

Samy Vellu pastikan teraju parti lancar

MIC sudah mempunyai perancangan tersendiri bagi memastikan peralihan pucuk pimpinan parti berjalan lancar apabila tiba masa nanti.

Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata beliau sudah memberi pertimbangan sewajarnya mengenai siapa yang harus mengambil alih pucuk pimpinan MIC dan bagaimana proses peralihan akan berlaku.

“Bila sampai masa kita akan buat pengumuman,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis penutup Perhimpunan Agung MIC Ke-60, di sini semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Presiden Gerakan, Datuk

Seri Dr Lim Keng Yaik semalam bahawa akan menyerahkan pucuk pimpinan parti itu kepada timbalannya, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon pada mesyuarat agung luar biasa (EGM) yang dijangka diadakan pada suku pertama tahun depan.

Samy Vellu menegaskan Gerakan berhak menentukan urusan dalaman parti itu dan tidak sewajarnya harus diikuti parti lain.

“Itu parti mereka, mereka boleh buat ikut budi bicara masing-masing. Kita ada cara kita sendiri dalam MIC dan bila sampai masanya kita akan umumkan,” katanya.

Samy Vellu menang tanpa bertanding pada pemilihan Mac lalu untuk

menjadi Presiden MIC selama 10 penggal berturut-turut. Beliau memangku pucuk pimpinan parti pada 1979 apabila presiden ketika itu, Tan Sri V Manickavasagam meninggal dunia dan mengambil alih secara rasmi dua tahun selepas itu.

Beliau adalah presiden sesebuah parti yang paling lama memegang jawatan di negara ini iaitu selama hampir 25 tahun.

Walaupun pernah dicabar timbalannya ketika itu, Datuk S Subramaniam pada 1989, beliau berjaya mengekalkan jawatannya sehingga hari ini bersama Subramaniam yang ditewaskan dalam pemilihan parti kelmarin oleh Datuk G Palanivel, anak didik Samy Vellu.

BA - 26/6/2006